

10/10/2000

Usaha banteras ambil masa

USAHA membanteras ajaran sesat akan mengambil masa panjang kerana pihak berkuasa tidak mahu keputusan yang diambil boleh ditafsir sebagai salah atau silap serta dipertikaikan.

Kerajaan perlu kemukakan nas dan hujah supaya keputusan dalam menentukan cara tindakan itu dibuat tidak dapat dipertikaikan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata bukan mudah bagi pihak berkuasa mengambil keputusan cepat terhadap sesuatu ajaran walaupun pada zahirnya sudah dikenal pasti sesat atau berkemungkinan menjadi sesat.

Bagi mengelakkan terjebak, katanya, rakyat perlu berwaspada supaya tidak terpengaruh dalam kegiatan ajaran sesat.

Berikutan itu, satu seminar mengenai perkara itu, Seminar Kebatinan Serantau diadakan di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Seminar julung kali di negara ini mampu mewujudkan persepakatan dan fahaman bersama di kalangan negara serantau untuk sama-sama bertindak menghapuskan ajaran sesat.

"Apa yang penting seminar ini dapat menghantar satu mesej kepada orang Islam di rantau ini termasuk Malaysia supaya berhati-hati apabila mengikuti ajaran agama supaya tidak sesat, jika tidak ia akan membawa masalah bukan saja kepada diri sendiri, malah masyarakat keseluruhannya," katanya ketika merasmikan seminar itu.

Beberapa hari selepas tamat seminar berkenaan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan di Kota Kinabalu, Sabah, bahawa golongan masyarakat yang dipertanggungjawabkan dengan soal agama, mesti bertindak untuk memperbetulkan ajaran yang bertentangan dengan Islam.

Katanya, adalah tidak bertanggungjawab jika orang yang dipertanggungjawabkan memelihara kebersihan Islam, membiarkan ajaran sesat dan dakwaan yang bertentangan dengan agama berkembang, mengeliru dan menghancurkan akidah orang Islam.

Beliau menegur mereka yang mendakwa sebagai ulama tetapi membuat penjelasan dan tafsiran mengenai isi kandungan al-Quran dengan tujuan menghalal atau memajukan kepentingan diri dengan tafsiran berbau politik yang didokongnya.

Menurutnya, umat Islam hari ini berpecah kepada banyak mazhab, terikat dan menjadi pengikut ulama dan guru tertentu.

Katanya, perbezaan dalam perkara yang bukan pokok dalam Islam memanglah perkara biasa yang diterima oleh agama Islam.

"Tetapi jika perbezaan itu ketara, bahkan ajaran yang disampaikan adalah jelas bertentangan dengan ajaran Islam, maka masyarakat dan mereka yang dipertanggungjawabkan dengan soal agama mestilah bertindak untuk memperbetulkannya," katanya.

(END)